

01 JUN 1996

KAMPUNG DIMAJUKAN MENGIKUT PROGRAM DESA WAWASAN

KOTA TINGGI, 1 JUN (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar bandar akan membimbing dan membantu memajukan kira-kira 600 kampung di seluruh negara yang dipilih setiap tahun mengikut projek Gerakan Desa Wawasan.

Menteri berkenaan Datuk Annuar Musa hari ini berkata setiap kampung itu akan dipastikan mempunyai semua kemudahan asas termasuk elektrik dan air serta dibimbing supaya melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi termasuk industri kecil.

Beliau berkata sebahagian besar daripada peruntukan RM300 juta kepada kementerian dalam Rancangan Malaysia ke-Tujuh (RMK7) akan digunakan bagi menrealisasikan dan menjayakan projek itu.

Antara langkah yang akan diambil bagi memastikan kejayaan projek itu ialah dengan meminta semua jentera kerajaan termasuk Kemas supaya bergerak lebih aktif, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Projek Gerakan Desa Wawasan di Kampung Jawa, Penggerang dekat sini.

Beliau berkata sekiranya program itu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, penduduk luar bandar berada tidak akan lagi berada di bawah tahap kemiskinan atau tercicir daripada pembangunan.

Program Desa Wawasan itu akan dilancarkan di peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di negeri Perak pada 4 Julai depan.

Selain itu, Annuar juga menegur perbuatan pihak tertentu yang menyalahgunakan bantuan kerajaan termasuk Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) sehingga mengakibatkan golongan berkenaan tidak menerimanya.

Beliau berkata perbuatan seperti itu akan hanya menyekat perkembangan kemajuan di sesuatu kawasan dan menghalang kemajuan. -- BERNAMA

AMH NAK